



## SIARAN MEDIA

### **SENTUHAN KASIH RAMADAN 1446H MEMPERKUKUH SEMANGAT MUHIBAH DAN UKHUWAH WARGA KPKT**

---

**PUTRAJAYA, 21 MAC 2025** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan tradisi tahunan dengan menganjurkan Program Sentuhan Kasih Ramadan KPKT 1446H bertempat di Dewan Kristal, KPKT petang ini. Majlis turut dihadiri oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Majlis Sentuhan Kasih Ramadan KPKT ini merupakan sebahagian daripada komitmen kementerian dalam memperkukuh kebajikan warga KPKT dan seterusnya menyemarakkan semangat ukhuwah dan keprihatinan dalam bulan yang penuh keberkatan ini. Majlis turut mendapat kerjasama dari Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) KPKT dan Surau Al-Bayt, KPKT dan dihadiri oleh seramai 350 orang warga KPKT termasuk jabatan dan agensi di bawah KPKT.

Penganjuran program seperti ini bukan sahaja bertujuan menyantuni golongan yang memerlukan, tetapi ia juga mencerminkan semangat muhibah serta kepelbagaian kaum yang menjadi tunjang kekuatan negara kita.

Menurut YB KM, kehadiranannya dalam majlis berbuka puasa ini adalah cerminan dasar keterangkuman kerajaan yang menghormati kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia. “Ini adalah bukti bahawa perpaduan dan keharmonian antara kaum terus menjadi keutamaan kerajaan dalam membina Malaysia MADANI”, katanya.

Dalam program tersebut, YB KM telah menyampaikan sumbangan kepada 136 orang penerima sumbangan terdiri daripada 37 orang asnaf dan 99 orang daripada gred H1 dalam kalangan warga KPKT. Sumbangan ini diharapkan mampu mengurangkan sedikit bebanan warga KPKT dalam membuat persiapan menjelang Aidilfitri pada tahun ini.

Sepanjang Ramadan 1446H, KPKT berjaya mengimarahkan bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti serta program yang bermanfaat bagi meningkatkan keutuhan sahsiah peribadi dan kredibiliti warga KPKT khususnya dalam mengharungi cabaran kerja dan kehidupan harian di samping mengimbangi amalan selaras dengan ajaran Islam. Antara program dan aktiviti yang dianjurkan adalah **Kapsul Ramadan, Tadarus Al-Quran, Iftar Kasih Ramadan, Mimbar Ramadan, Ceramah Agama,**

## Majlis Khatam Al-Quran, Penilaian Sudut Ramadan, Refleksi Dhuha dan Agihan Bubur Lambuk.

Terdahulu petang ini juga, KPKT meneruskan tradisi memasak dan mengagihkan 3,000 pek bubur lambuk kepada warga KPKT anjuran KESKEP. Program ini juga telah disempurnakan oleh YB KM sendiri. Menurut YB KM, “Inisiatif dan kerjasama bersepadu antara pihak kementerian dan KESKEP dilihat sebagai cerminan semangat **Stronger Together** dalam mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan warga KPKT. “Sahutlah Kempen ‘Hargai Makanan Elak Pembaziran’ dan berbelanja secara berhemah mengikut keperluan dan kemampuan”.

Dalam Majlis Sentuhan Kasih Ramadan 1446H hari ini, YB KM turut bersama warga KPKT mendengar Tazkirah Ramadan dan Berbuka Puasa bagi memperkukuh semangat kebersamaan. Turut hadir ialah Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan), YBhg. Datuk Mohd Zamri Bin Mat Zain; Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampuan Dan Perancangan Strategik), YBhg. Datuk Saidatu Akhma Binti Hassan dan barisan pengurusan KPKT.

KPKT komited untuk terus melaksanakan program-program berbentuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat sejajar dengan agenda pembangunan inklusif negara.

#MalaysiaMADANI  
#Keyakinan  
#StrongerTogether  
#UnityInDiversity  
#DemiPertiwi

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

